



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 41

Selasa

7 November 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **TRIS** Ataupun “*Tracking Refugees Information System*”
– YB. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (*Sungai Siput*) [Halaman 1]
- **Status Permohonan Kewarganegaraan Ling Yew Kang**
– YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (*Lanang*) [Halaman 4]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 07 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

TRIS Ataupun "*Tracking Refugees Information System*"

2.35 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang melaksanakan satu skim baru untuk memantau dan mengesan pelarian iaitu '*Tracking Refugees Information System*' (TRIS). Di bawah skim ini, pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) dikehendaki mendaftarkan diri dan selepas pengesahan KDN, diberi kad identiti khas 'MyRC' yang sah untuk satu tahun.

Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengatakan matlamat skim baru ini adalah untuk mengumpul data peribadi dan biometrik orang-orang pelarian demi keselamatan negara dan untuk memantau jenayah rentas sempadan, pemerdagangan manusia dan keganasan terhadap orang-orang pelarian.

Kami difahamkan bahawa dalam tempoh masa 21 Julai hingga 30 September 2017, skim TRIS telah dilaksanakan oleh Barisan Mahamega Sendirian Berhad dan lebih daripada 2,000 orang pelarian telah pun didaftarkan. Adakah Kad 'MyRC' dibekalkan kepada kesemua 2,000 orang pelarian yang telah mendaftarkan diri di bawah TRIS.

Adakah kesemua 150,000 orang pelarian dan pemohon suaka di Malaysia yang memegang kad UNHCR dikehendaki mendaftarkan diri di bawah skim TRIS. Apakah tempoh masa yang akan diberi pada mereka untuk proses pendaftaran. Apakah tempoh masa antara pendaftaran dan memperolehi kad 'MyRC'. Adakah orang pelarian

terdedah pada risiko tangkapan sehingga mereka diberi kad 'MyRC' itu. Adakah kemungkinannya sebilangan orang-orang pelarian yang memegang kad UNHCR akan dinafikan Kad 'MyRC'. Jika ya, atas kriteria apa. Adalah amat diharapkan skim TRIS tidak akan mendedahkan mana-mana orang pelarian pada risiko dihantar balik secara paksa ke negara dari mana mereka larikan diri.

Apakah caj yang akan dikenakan terhadap mereka yang datang untuk mendaftar. Adakah kerajaan bercadang untuk menyumberluarkan proses pendaftaran TRIS bagi 150,000 orang pelarian kepada Barisan Mahamega Sendirian Berhad atau pun syarikat swasta yang lain. Kos melaksanakan skim TRIS boleh dikurangkan jika dikendalikan oleh Jabatan Imigresen sendiri kerana Jabatan ini mempunyai pejabat di seluruh negara kita.

Adakah kerajaan bercadang menawarkan permit kerja kepada pemegang kad 'MyRC' seperti untuk pemegang IMM13 sebelum ini. Peluang untuk bekerja secara sah akan memberi perlindungan pada orang-orang pelarian daripada eksploitasi oleh pihak majikan dan pihak penguat kuasa dan merupakan satu kemudahan yang amat diharapkan oleh golongan orang pelarian. Apakah kemudahan lain yang akan ditawarkan pada pemegang kad 'MyRC'.

Fasa *proof of concept* (PoC) dari 21 Julai hingga 30 September 2017 dicemari dengan maklumat yang bercanggah dan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat pelarian. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan ketelusan, komunikasi berkesan dan SOP yang jelas dalam pelaksanaan skim TRIS. Adalah diharapkan pihak KDN akan bekerjasama dengan UNHCR, masyarakat sivil, dan masyarakat pelarian dalam pelaksanaan skim TRIS. Sekian, terima kasih.

2.39 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Masir Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri telah pun memutuskan supaya kumpulan maklumat biometrik ke atas semua pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi perairan *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) dilaksanakan bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa Malaysia. Susulan daripada itu, program pendaftaran dan pengumpulan makluman biometrik ke atas pemegang kad UNHCR secara *proof of concept* melalui *Tracking Refugees Information System* (TRIS) telah dilaksanakan bermula 1 April 2007 sehingga 30 September 2017.

■1440

Pada akhir proses pendaftaran tersebut, kad identiti khas Kad 'MyRC' akan dikeluarkan oleh kerajaan yang mengandungi maklumat peribadi dan biometrik pemegang kad seperti mana yang didaftarkan. Pada ketika ini, kesemua maklumat terperinci mengenai pemegang kad UNHCR dan pemohon suaka di Malaysia berada di dalam pangkalan data UNHCR. Ketiadaan maklumat ini di pihak kerajaan menyukarkan pihak berkuasa untuk melaksanakan pemantauan dan kawalan kerana perlu bergantung sepenuhnya ke atas pihak UNHCR.

Berdasarkan situasi semasa keselamatan rintas sempadan dan global, wujud keperluan mendesak supaya kerajaan mempunyai kaedah pengurusan pemegang Kad 'MyRC' dan pemohon suaka yang komprehensif melalui pengumpulan maklumat biometrik. Pada peringkat pelaksanaan *proof of concept*, jumlah individu pemegang kad UNHCR yang didaftarkan adalah dipantau dari semasa ke semasa dan kerajaan hanya mendaftarkan individu yang telah dikenal pasti penentuan statusnya oleh UNHCR sebagai individu yang memerlukan perlindungan antarabangsa. Sehingga 29 September 2017, seramai 2,981 individu pemegang kad UNHCR telah didaftarkan melalui TRIS.

Susulan tamatnya tempoh *proof of concept* pada 30 September 2017, kerajaan sedang dalam tindakan menilai hasil dapatan pasaran program pendaftaran melalui TRIS tersebut termasuk penentuan sumber luaran pihak ketiga di dalam melaksanakan mekanisme pendaftaran dan pengumpulan maklumat biometrik ke atas pemegang kad UNHCR dan pemohon suaka. Adalah ditegaskan di sini bahawa meskipun Malaysia bukan negara pihak kepada konvensyen mengenai status pelarian 1991 dan protokol mengenai status pelarian 1967, kerajaan atas dasar kemanusiaan telah memberikan kebenaran kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) yang memegang kad UNHCR untuk tinggal sementara di negara ini sebelum ditempatkan semula ke negara ketiga.

Dasar negara mengenai perkara ini adalah menggunakan "*asas satu kes ke satu kes*" atau "*case to case basis*". Berdasarkan dasar semasa negara seperti yang disebutkan, pemegang kad UNHCR adalah tidak dibenarkan untuk bekerja memandangkan golongan ini masih merupakan parti dan mereka tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan atau passport.

Kebenaran pekerjaan kepada kumpulan ini adalah masih di peringkat kajian di pihak kerajaan melalui projek perintis kebenaran pekerja untuk pemegang kad UNHCR etnik Rohingya dengan mengambil kira dasar sedia ada serta aspek keselamatan negara. Pelaksanaan terhadap perkara ini perlu dilakukan dengan berkati-hati

memandangkan perkara ini melibatkan perlindungan dan hubungan diplomatik antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Status Permohonan Kewarganegaraan Ling Yew Kang

2.43 ptg.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu kes yang saya terima daripada pengadu iaitu Puan Ting Leh Hung (nombor kad pengenalan: 720611-13-5576) dan Ling Yii Yong (nombor kad pengenalan: 650220-13-5359) bahawa mereka telah membuat permohonan kewarganegaraan untuk anak angkatnya banyak kali tetapi tidak berjaya.

Mereka telah berkahwin pada 10 Jun 1994. Pada tahun 1997, Puan Ting telah mengandung seorang anak lelaki dan telah mengalami kesulitan semasa menjalankan pembedahan untuk bersalin di hospital. Akibatnya, sistem pembiakannya tidak dapat berfungsi lagi. Ini bermakna beliau tidak boleh melahirkan anak lagi. Oleh sebab itu, mereka mengangkat seorang anak yang bernama Yew Kang yang berumur tiga tahun pada tahun 2002. Malangnya anak mereka, Ling Yii Jing telah meninggal dunia pada 30 April 2008 dengan sijil kematian nombor, SK122828.

Mereka mengaku bahawa Yew Kang diambil daripada seorang wanita yang bernama Wong Ha Leng dengan wang sebanyak RM2,000 dan terima sijil kelahiran bernombor N.03789/99 yang dikeluarkan pada 3 September 1999. Mereka tidak tahu siapa ibu bapa kandung Yew Kang dan tiada apa-apa cara untuk mereka memperolehi maklumat tersebut sekarang. Semasa mereka ingin memohon kad pengenalan Yew Kang, Jabatan Pendaftaran Negara memberitahu mereka bahawa sijil kelahiran itu adalah palsu. Jadi, sijil tersebut ditarik balik oleh JPN.

Selepas itu, Yew Kang dianugerahkan sijil kelahiran yang baharu bernombor 001528QAK. Ting Yew Soon adalah penjaganya di bawah arahan perintah mahkamah nombor, SBW-24-2/1-2013. Yew Kang diangkat oleh mereka melalui sijil anak angkat yang bernombor NN.248/2013.

Pada tahun 2015, mereka telah memohon taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A bagi Yew Kang. Akan tetapi, permohonan mereka dimaklumkan tidak berjaya pada 15 Jun 2015. Mereka membuat permohonan semula dan masih tidak berjaya. Sekarang Yew Kang sudah tamat SPM dan ingin melanjutkan pelajaran di

Semenanjung Malaysia. Oleh sebab tiada kad pengenalan, dia tidak dapat keluar dari Sarawak untuk datang ke Semenanjung. Dia pun sudah berumur 18 tahun. Ini bermakna mereka tidak dapat memohon kewarganegaraan untuk Yew Kang lagi.

Saya ingin memohon jasa baik kementerian supaya meneliti kes ini dan menganugerahkan kewarganegaraan untuk Yew Kang supaya Yew Kang boleh hidup sebagai rakyat Malaysia. Adalah amat tidak adil untuk kita menghukum anak-anak yang tidak berdosa atas kesalahan atau kecuaiannya ibu bapa mereka. Memandangkan KDN boleh menganugerahkan kewarganegaraan kepada warga asing, iaitu seramai 47,232 dari tahun 2008 hingga 2015, saya harap kementerian dapat mempertimbangkan permohonan mereka. Apakah langkah atau prosedur yang perlu diambil oleh mereka supaya permohonan mereka boleh dipertimbangkan dan diluluskan. Sekian, terima kasih.

2.47 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Masir Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang sering dimaklumkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) di dalam Dewan yang mulia ini, kelahiran seseorang individu dan proses pengambilan anak angkat di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Penentuan status kewarganegaraan dibuat selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Antara faktor yang perlu diambil kira dan diteliti dalam menentukan status kewarganegaraan adalah status perkahwinan dan taraf perkahwinan ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut. Dalam hal ini, beban bagi membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia adalah di bawah tanggungjawab seseorang individu itu sendiri.

Perkara ini pernah diputuskan di Mahkamah Rayuan yang menolak permohonan kewarganegaraan bagi dua orang kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia dengan justifikasi seperti berikut.

Bagi kes pertama, pemohon gagal membuktikan susur galur keturunannya pada masa kelahiran yang tidak dipenuhi, manakala bagi kes kedua, kanak-kanak tersebut perlu dibuktikan bahawa beliau tanpa kerakyatan atau kewarganegaraan negara lain. Namun, memandangkan ia adalah kes anak tak sah taraf yang dilahirkan di luar perkahwinan oleh ibu warga asing, maka pertimbangan kewarganegaraan anak tersebut adalah mengikut kewarganegaraan asal ibunya.

Merujuk kepada permohonan kewarganegaraan Malaysia bagi Ling Yew Kang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, hasil semakan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendapati terdapat dua rekod permohonan kewarganegaraan yang telah dikemukakan oleh ibu dan bapa angkat beliau iaitu pada tahun 2013 yang tidak diluluskan, manakala permohonan yang dikemukakan pada 27 Julai 2015 masih dalam pertimbangan kementerian ini selaras dengan peruntukan perundangan serta peraturan yang berkuat kuasa. Pemohon akan dimaklumkan secara bersurat sebaik sahaja keputusan tersebut dikeluarkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 8 November 2017. Terima kasih.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.49 petang]